

# **APLIKASI ANALISIS WACANA KRITIS DALAM ANALISIS WACANA AGAMA**

*Munif Zarirruddin Fikri Nordin*

## **Abstrak**

Analisis wacana kritis (AWK) ialah satu versi analisis tekstual di dalam analisis data berasaskan bahasa di dalam kajian kemanusiaan dan sosial. Versi yang digunakan dengan meluas ini menawarkan metode pengulangan yang berupaya mengenal pasti data berpandukan kedudukan maklumat, dan juga menghuraikan data berdasarkan pembuktian wacana. Di dalam analisis wacana agama (AWA), khususnya analisis teks Islamiah, terdapat pengkaji di Malaysia yang telah mengaplikasikan AWK dalam kajian mereka, dengan beberapa pengubahsuaian. Makalah ini membincangkan skop dan pembatasan yang dikemukakan oleh AWK dalam AWA. Versi AWK yang dipilih ialah dimensi 3D Fairclough. Isu kerelevan dan ketidakrelevan AWK beliau dikenangkan, khususnya pertentangan yang diutarakan daripada pandangan Islam. Seterusnya, pengubahsuaian yang dilakukan akan dibincangkan.

## ***Abstract***

*Critical discourse analysis (CDA) is a textual analysis version in the analysis of language-based data in humanities and social research. This widely used version offers a repeatable method capable of tackling the data regardless of the positionality and verifiability. In religious discourse analysis (RDA), in particular Islamic texts analysis, there are researchers in Malaysia who applied CDA in their studies with some modifications. This article discusses the scopes and the limitations proposed by CDA in RDA. The selected version of CDA is the 3D*

*Fairclough's dimension. The issues of relevance and irrelevance of his CDA will be highlighted in particular the contradictions that it poses from the Islamic point of views. Subsequently, modifications made will be discussed.*

## PENDAHULUAN

Analisis wacana dalam bentuk yang pesat berkembang mutakhir ini merupakan antara manifestasi sumbangan penting linguistik moden terhadap penyelidikan sains sosial. Teori dan model analisis wacana yang dipelopori oleh ahli-ahli linguistik Barat telah diterapkan dengan merata dan meluas dalam wacana sejagat. Perkembangan ini dapat ditinjau dalam analisis wacana pelbagai bahasa utama dunia – tidak termasuk bahasa Inggeris yang memperkenalkan disiplin ini – umpamanya bahasa Melayu dan bahasa Indonesia di Asia Tenggara, serta bahasa Arab di Asia Barat.

Antara tahun 1982 hingga 1999 sahaja, Idris Aman (2006) dalam sorotannya menyenaraikan 13 tesis doktor falsafah yang telah dihasilkan di universiti tempatan dan di luar negara oleh pengkaji-pengkaji Malaysia, yang memilih wacana bahasa Melayu sebagai data analisis. Di Indonesia pula, menurut Ibnu Hamad (2007), pelbagai metode analisis wacana telah digunakan dengan meluas sebagai metode penelitian ilmiah di kalangan mahasiswa, seperti sintagmatis, paradigmatis dan kritis.

Dalam linguistik Melayu, istilah “analisis wacana” sama seperti istilah *tahlil al-khitab* dalam linguistik Arab merupakan terjemahan daripada istilah *discourse analysis* yang diperkenalkan oleh linguistik Barat pada awal 1990-an. Istilah *al-khitab* digunakan dengan meluas termasuk dalam genre agama, seperti yang diketengahkan oleh ulama kontemporari, Sheikh Yusuf al-Qardawiy (2004) dalam karya beliau *Khitabuna al-Islamiy fi 'Asr al-'Awlamah* (Wacana Islam Kita pada Era Globalisasi).

Analisis wacana kritis (AWK), ialah satu cabang analisis wacana, iaitu satu versi analisis tekstual yang memanfaatkan data bahasa di dalam kajian sosial dan kemanusiaan. Versi yang dapat dimanfaatkan ini antara lain adalah untuk menganalisis representasi imej melalui kepercayaan, dominasi, eksplorasi, perjuangan, kuasa dan sebagainya. AWK menawarkan metode pengulangan yang berupaya mengenal pasti data dengan berpandukan kedudukan maklumat, dan juga menghuraikan data berdasarkan pembuktian wacana.

Perkataan “kritis” yang dinisbahkan kepada AWK mempunyai susur galur aliran pemikiran dan ideologi kehidupan yang mengaspirasikan kesaksamaan

## APLIKASI ANALISIS WACANA KRITIS DALAM ANALISIS WACANA AGAMA


dan keadilan sosial. Baik Fairclough (1992) maupun Wodak (1989), dan penteori-penteori AWK yang lain, mereka telah memulakan inisiatif membentuk jaringan kesarjanaan pada awal 1990-an (Jørgensen dan Philips, 2002).

## AWK DAN ANALISIS WACANA AGAMA

AWK mengandungi beberapa teori dan metode yang dibezakan oleh beberapa aliran pemikiran dan pendekatan. AWK mencadangkan fungsi bahasa sebagai data untuk menginterpretasikan amalan penghasilan wacana, dan juga untuk menghuraikan amalan sosial yang terkandung di dalam wacana. Makalah ini memilih AWK model Fairclough, dengan justifikasi bahawa di Malaysia, model beliau telah digunakan dengan meluas dalam kajian wacana politik, ekonomi, kepimpinan, periklanan dan sebagainya.

Fairclough mengemukakan sebuah model yang dinamakan sebagai “Model Tiga Dimensi AWK” bagi menjelaskan pendekatan AWK beliau dalam *Discourse and Social Change* (1992), *Media Discourse* (1995), dan diperincikan lagi dalam *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research* (2003). Model ini mengandaikan bahawa setiap penggunaan bahasa dalam peristiwa komunikasi mengandungi tiga dimensi, iaitu teks (seperti ucapan, tulisan dan imej visual), amalan diskursif/wacana (penghasilan dan penggunaan teks) dan amalan sosial/sosiobudaya.

Kedudukan Model Tiga Dimensi AWK Fairclough adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1 yang berikut:



Rajah 1 Model Tiga Dimensi AWK Fairclough (1992; 1995).

Berasaskan kedudukan ini, Model Tiga Dimensi AWK menyarankan supaya setiap analisis mestilah memberikan fokus kepada perkara-perkara yang berikut (Fairclough, 1992; 1995):

- i. Ciri-ciri linguistik teks (TEKS), iaitu ciri-ciri formal (seperti kosa kata, tatabahasa, sintaksis dan koheren) daripada wacana dan genre yang difahami secara linguistik.
- ii. Proses yang berkaitan dengan penghasilan dan penggunaan teks (AMALAN DISKURSIF/WACANA), iaitu bagaimana pengarang teks membentuk lakaran wacana dan genre yang sedia ada untuk menghasilkan teks, dan bagaimana penerima teks juga turut mengaplikasikan wacana dan genre yang sedia ada dalam penggunaan dan penginterpretasian teks.
- iii. Amalan sosial yang lebih luas yang merujuk kepada peristiwa komunikasi (AMALAN SOSIAL / SOSIOBUDAYA).

Analisis wacana agama (AWA) pula ialah analisis keagamaan, yang secara khususnya ialah teks-teks islamiah (al-Qardawiy, 2004), seperti tafsir, hadis, akidah, fiqah, akhlak, tasawuf dan sebagainya. AWA berfungsi menggambarkan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna dan lengkap. Fungsi ini meletakkan wacana agama berada pada landasannya yang tersendiri, iaitu untuk memenuhi keperluan sifat *tabligh* yang wajib dimiliki oleh setiap pewacana yang bertanggungjawab kepada agamanya. Setiap pewacana agama ialah pendakwah yang memikul kewajipan melaksanakan *tabligh* (Abdul Karim, 1987).

Ini bermakna bahawa untuk melaksanakan tugas menggambarkan sempurna dan lengkapnya Islam, wacana digunakan sebagai *wasilah* (medium). Ayat-ayat al-Quran yang bermula dengan perkataan *qul* yang bererti “katakanlah wahai Muhammad” nyata sekali menunjukkan bahawa terdapat perintah yang tegas – supaya Rasulullah s.a.w. dan umatnya yang menjadi penyambung risalah kerasulan baginda – menggunakan dan memanfaatkan wacana sama ada secara lisan atau tulisan.

Setiap wacana mestilah memenuhi ciri-ciri hikmah kebijaksanaan, nasihat pengajaran yang baik dan perbahasan dengan cara yang lebih baik sebagaimana yang digariskan oleh al-Quran. Allah S.W.T. berfirman:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engku serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan

orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.

(Surah al-Nahl 16:125)

Al-Qardawiy (2004) mengetengahkan 15 prinsip yang sangat asas dalam analisis wacana agama. Gagasan beliau menggabungkan prinsip ketuhanan, kemanusiaan dan kemasyarakatan yang dapat digalurkan menjadi empat elemen asas analisis wacana agama. Pendekatan beliau sekurang-kurangnya dapat memenuhi ciri-ciri hikmah kebijaksamaan, nasihat pengajaran yang baik dan perbahasan dengan cara yang lebih baik seperti yang digariskan dalam ayat tadi. Berdasarkan ayat ini juga, kejayaan tugas *tabligh* banyak bergantung pada keberkesanan wacana yang digunakan.

Gagasan al-Qardawiy (2004) tersebut boleh disimpulkan seperti yang berikut:

- a. Keimanan (apakah yang diimani dan dipercayai oleh pewacana untuk disebarluaskan dalam *tabligh* wacananya?).
- b. Iltizam pegangan agama (sejauh manakah pewacana beriltizam dengan pegangan agama yang dibentuk oleh iman dan kepercayaan?).
- c. Proses insani (bagaimanakah pewacana membentuk penampilan diri, personaliti sehingga wacananya dapat diterima?).
- d. Proses sosial (bagaimanakah pewacana menonjolkan iltizam keimanan, kepercayaan, penampilan diri dan personaliti dalam khalayak?).

Dalam tradisi keilmuan Islam, konsep umum yang mendukung fungsi bahasa seperti yang dimanifestasikan oleh analisis wacana Barat memang wujud. Konsep ini mula ditekuni oleh pengkaji-pengkaji wacana al-Quran pada abad ke-11 Masihi lagi (Mahmud, 2005). Konsep ini tersebar luas sehingga menjadi satu genre yang mantap melalui kajian-kajian yang menjadi fokus utama ilmu balaghah (retorik Arab), dan juga beberapa ilmu lain seperti fikah dan tafsir.

Balaghah sebagai contoh berfungsi sebagai satu pendekatan untuk mengetahui maksud dan kandungan sebenar yang tersirat dalam al-Quran yang hanya dapat difahami melalui uslub bahasa yang digunakan. Ilmu ini juga membantu mengetahui maksud yang dikehendaki, dan maksud yang tidak dikehendaki dalam sesuatu ayat al-Quran yang hanya dapat dibezakan melalui uslub bahasa. Ilmu ini muncul berlatarbelakangkan kerancakan perkembangan bahasa, falsafah dan budaya Arab – Islam klasik pada abad ke-11 Masihi, iaitu pada saat istilah analisis wacana belum dikenali oleh linguistik Arab.

Unsur utama yang membentuk ilmu balaghah ialah perkataan, makna, susunan perkataan, pemilihan perkataan dalam laras bahasa, tujuan ayat dan situasi pengguna (penyampai dan penerima) (Abdul Aziz, 1985). Kesemua unsur ini saling melengkapi dan saling mengukuhkan antara satu sama lain sehingga dapat melahirkan kesan kreativiti, rasa dan keindahan dalam susunan sesuatu ayat.

Dengan unsur-unsur ini juga, ahli-ahli balaghah sebenarnya tidak dapat mencari satu kata putus dalam menentukan definisi mutlak bagi balaghah. Pelbagai pandangan dikemukakan sepertimana yang disenaraikan oleh Ibn Rasyiq al-Qayruwaniy (385 – 465 Hijrah) dalam bukunya *Al-'Umdat fi Mahasin al-Syi'r wa Adabihi wa Naqdihi* (Abdul Aziz, 1985). Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan tersebut secara keseluruhannya merumuskan ilmu balaghah sebagai suatu ilmu yang berlebar di sekitar konsep yang berikut (Abdul Aziz, 1985):

- a. Penggunaan ayat pada kedudukannya yang sebenar berdasarkan sama ada panjang atau ringkas.
- b. Pemerihalan maksud sejelas-jelasnya dengan menggunakan ungkapan yang betul dan jelas.
- c. Kesan mendalam yang dapat dirasai oleh jiwa.
- d. Kesesuaian ayat dalam konteks pengguna (penyampai dan penerima) dengan mengambil kira kedudukan dan situasi pengungkapannya.

Pada prinsipnya, ilmu balaghah dikembangkan sebagai medium untuk memahami dan mengkaji al-Quran dan hadis mengikut keperluan disiplin-disiplin tertentu, umpamanya keperluan mengeluarkan hukum bagi ulama fiqh, keperluan menjelaskan akidah bagi ulama tauhid, keperluan memahami maksud sesuatu ayat bagi ulama tafsir dan sebagainya. Antara dimensi yang menjadi tumpuan balaghah dalam pengkajian al-Quran dan hadis ialah gaya bahasa, penjenisan ayat, latar pendengar dan sebagainya.

Dengan ini, balaghah mempunyai ciri yang sama dengan sastera dan kritikan sastera, iaitu menganalisis kekuatan serta kelemahan ayat dan kemudiannya mengutarkan cadangan penyelesaian (Idris, 2005). Dari sudut ini, ciri-ciri balaghah berkisar tentang (al-Sayyib, 1995):

- i. Ketepatan dan kejelasan makna dalam ayat yang disampaikan.
- ii. Keberkesanan fakta melalui variasi ayat.
- iii. Kesesuaian variasi ayat dengan situasi pendengar.

Tafsir pula menjadi satu metode analisis wacana yang bertujuan menjelaskan makna dan menghuraikan kandungan al-Quran yang merupakan kalam Allah S.W.T. Melalui tafsir, peristinbatan hukum dalam fiqh dan usul fiqh dapat dilakukan. Tanpa tafsir, tidak mungkin peristinbatan dapat dilakukan, meskipun al-Quran dihafal dan dibaca berulang-ulang kali.

Dengan fungsi ini, tafsir adalah jauh berbeza dengan hermeneutik yang lahir daripada metode analisis dalam pemikiran Barat. Meskipun kelihatan sama kerana masing-masing memanfaatkan data bahasa, akan tetapi perbezaan epistemologi dan matlamat pengkajian adalah garis pemisah yang membezakan kedua-dua metode ini.

Dari sudut kemunculan, tafsir jauh lebih awal berdiri sebagai satu bidang yang mempunyai metode penelitian yang mantap. Data bahasa dalam tafsir yang dianalisis, yakni wahyu atau kalam Allah S.W.T. bukan sahaja untuk membuktikan wujudnya hubungan antara bahasa dengan proses sosial, tetapi juga bermatlamat untuk membuktikan bahawa data bahasa tersebut dapat meningkatkan keimanan dan kepercayaan.

Hermeneutik dengan sifat tafsirannya yang sangat subjektif kerana dipandu oleh kerangka alegorikal yang diandaikan oleh akal pula, muncul dengan matlamat untuk mengkritik, mendedahkan, dan mencari kelemahan Bible. Oleh yang demikian, apa juar tindakan yang menyamakan tafsir dengan hermeneutik, khususnya dari segi metode, seperti yang disifatkan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud (2007), merupakan satu kebiadaban kepada Allah S.W.T. dan para nabi.

Terdapat tiga metode pengkajian di dalam bidang tafsir. Al-Sabuniy (1988) di dalam *Al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an* menggariskan ketiga-tiga metode berkenaan seperti yang berikut:

a. *Al-tafsir bi al-ma'thur:*

Ayat al-Quran ditafsirkan sama ada menggunakan keterangan daripada ayat al-Quran yang lain, atau menggunakan keterangan daripada sunnah, atau dengan merujuk kepada pandangan para sahabat. Metode ini dikenali juga dengan *al-tafsir bi al-riwayah* atau *tafsir bi al-naql*.

b. *Al-tafsir bi al-ma'qul:*

Ayat al-Quran ditafsirkan menggunakan ijtihad pentafsir sendiri; yang memiliki tahap penguasaan bahasa Arab yang istimewa dari sudut gaya bahasa serta kaedah penghasilan-penerimaan ayat meliputi nahu, morfologi dan balaghah, di samping mempunyai tahap pengetahuan ilmu asasi yang mantap, seperti ilmu kalam,

usul fiqah, sirah, sejarah dan sebagainya. Metode yang dinamakan juga *al-tafsir bi al-dirayah* atau *al-tafsir bi al-ra'yi* ini tidak merujuk kepada pandangan para sahabat dan tabiin.

c. *Al-tafsir al-isyariy*:

Ayat al-Quran ditafsirkan dengan pentakwilan yang luar biasa oleh pentafsir; yang dikategorikan sebagai golongan *ulul ilmi* yang mendapat kurniaan ilmu laduni dan kefahaman rabbani yang sangat hebat daripada Allah S.W.T. Metode ini disebut juga sebagai *al-tafsir bi al-isyarah*.

Al-Sabuniy (1988) memberikan contoh tafsir yang menggunakan metode *al-tafsir bi al-ma'thur* seperti yang berikut:

- Tafsir al-Tabariy* oleh Muhammad bin Jarir al-Tabariy.
- Tafsir Ibn Kathir* oleh Ismail bin Umar al-Dimasyqi.
- Tafsir al-Suyutiyy* oleh Jalaluddin al-Suyutiyy.

Contoh tafsir yang menggunakan metode *al-tafsir bi al-ma'qul* pula ialah (al-Sabuniy, 1988):

- Tafsir al-Raziy* oleh Muhammad bin Umar al-Raziy.
- Tafsir al-Baidawiy* oleh Abdullah bin Umar al-Baidawiy.
- Tafsir al-Nasafiy* oleh Abdullah bin Ahmad al-Nasafiy.

Manakala contoh tafsir yang menggunakan metode *al-tafsir al-isyariy* pula ialah (al-Sabuniy, 1988):

- Tafsir al-Naisaburiy* oleh Ahmad bin Ibrahim al-Naisaburiy.
- Tafsir Ibn Arabiy* oleh Muhyiddin bin Arabiy.
- Tafsir al-Alusiy* oleh Syihabuddin Muhammad al-Alusiy.

Pada waktu kemunculannya, keperluan terhadap tafsir sangat dirasakan kerana beberapa faktor seperti yang berikut:

- Generasi sahabat yang menjadi pakar rujuk bagi segala permasalahan kontemporari meninggal dunia sehingga memerlukan kepada wacana bertulis yang lebih sistematis.
- Penyebaran dakwah Islam melewati dunia Arab memerlukan analisis wacana yang sistematis sebagai penjelasan dan penghuraian kepada kandungan Islam yang serba lengkap dan sempurna.
- Kesan daripada penyebaran dakwah melewati dunia Arab

## APLIKASI ANALISIS WACANA KRITIS DALAM ANALISIS WACANA AGAMA

memerlukan penghasilan wacana dalam bahasa Arab demi memelihara keaslian bahasa tersebut daripada dicemari oleh unsur-unsur bahasa tempatan.

AWA dengan jelas meletakkan al-Quran dan hadis pada kedudukan yang paling tinggi dari segi kesahan, kebolehpercayaan, kesahihan dan ketetapan data wacana. Dengan demikian, AWA boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu:

- a. Wacana Ilahi (al-Quran dan hadis).
- b. Wacana manusiawi.

Dalam wacana Ilahi, tafsir ialah metode yang paling autentik dalam penginterpretasian al-Quran seperti yang diamalkan oleh para mufasirin. Pembahagian tiga metode tafsir seperti yang dibincangkan tadi misalnya ialah contoh keupayaan tafsir menganalisis wacana al-Quran. Selain tafsir, takwil juga turut digunakan sebagai satu bentuk penelitian yang khusus, seperti dalam analisis konsep *mutasyabihat* (antropomorfisme). Begitu juga dengan hadis, terdapat metode khusus dalam analisis wacana Rasulullah s.a.w., seperti sebab penghasilan hadis (*sabab wurud al-hadith*), kaedah penghasilan hadis (*takhrij al-hadith*) dan peristikitan hadis (*istinbat al-hadith*).

Dalam wacana manusiawi, yang dimaksudkan dengan AWA ialah analisis teks lisan dan tulisan yang merangkumi semua jenis analisis teks Islamiah yang dihasilkan oleh pewacana (Muslim atau bukan Muslim yang bersikap adil terhadap Islam). Wacana manusiawi harus dilihat dapat membuka ruang yang luas kepada AWA untuk diteliti dan seterusnya dikembangkan sebagai satu horizon dalam analisis wacana kontemporari dari segi konsep dan pengisian linguistiknya.

Dalam hubungan antara AWK dengan wacana manusiawi, tumpuan makalah ini seterusnya adalah kepada skop dan pembatasan yang dicadangkan oleh AWK.

## KERELEVANAN DAN KETIDAKRELEVANAN AWK DALAM AWA

Isu kerelevan dan ketidakrelevan AWK model Fairclough dalam AWA diketengahkan untuk memperlihatkan persamaan dan pertangannya dengan pandangan Islam. Selain didasarkan kepada pemikiran Islam, penilaian tentang persamaan dan pertangangan berkenaan juga didasarkan kepada prinsip balaghah.

Apakah relevannya AWK dalam AWA? Pertama, yang boleh dimanfaatkan oleh analisis wacana agama ialah beberapa istilah yang diperkenalkan, seperti ciri-ciri linguistik teks, amalan wacana, amalan sosial, intertekstualiti dan interdiskursiviti. Istilah-istilah ini boleh digunakan kerana berupaya membantu memberikan dimensi baru kepada konsep dan persepsi tentang AWA yang sebenarnya wujud dalam linguistik Arab.

Intertekstualiti umpamanya didefinisikan oleh Fairclough (2003) seperti yang berikut:

Intertekstualiti teks ialah kehadiran elemen-elemen daripada teks-teks yang lain di dalam sesuatu teks (dan oleh sebab itu pandangan orang lain lebih besar potensinya berbanding dengan pandangan pengarang sendiri) yang mungkin berkaitan dengan (dialog, andaian, keengganan, dsb.) dalam pelbagai cara.

(Fairclough, 2003:218)

Intertekstualiti atau penyisipan “teks dalam teks” bukanlah suatu yang asing dalam wacana agama. Dialog-dialog yang dipaparkan di dalam al-Quran sendiri, seperti dialog Allah S.W.T. dengan malaikat, Allah S.W.T. dengan Nabi Adam a.s. dan Allah S.W.T. dengan iblis dalam kes pelantikan manusia sebagai khalifah di dalam surah al-Baqarah menunjukkan bahawa intertekstualiti mencirikan keutuhan jalinan dan ketulenan kandungan penceritaan dalam wacana. Penyisipan teks dalam al-Quran tidaklah sekali-kali bermaksud bahawa wujud pengaruh luaran terhadap kalam Allah S.W.T. Pendalilan yang merujuk kepada nas al-Quran dan hadis tentang sesuatu hukum dalam penulisan kitab-kitab fiqah juga sebagai contoh merupakan salah satu strategi klasik dalam wacana yang memenuhi makna intertekstualiti.


Kedua, kerangka AWK yang mengandungi ciri-ciri linguistik teks, amalan wacana dan amalan sosial mempunyai banyak persamaan dengan prinsip-prinsip balaghah yang diketengahkan oleh Abdul Qahir al-Jurjaniy pada tahun 471 H (1078 M) di dalam dua buku beliau, yang kemudiannya menjadi asas penting kepada bidang balaghah. Buku pertama, iaitu *Dala'il al-Ijaz* memperkenalkan ilmu *al-ma'ani* sebagai teori bagi stilistik sintaksis dengan mengkaji perubahan dalam makna melalui urutan perkataan, ekspresi sindetik dan asindetik, partikel tambahan dan sebagainya dengan tujuan menjamin kesesuaian antara ayat dengan situasi pendengar (Ritter, 1954). Buku kedua, *Asrar al-Balaghah* pula memuatkan teori ilmu *al-bayan* yang berfungsi sebagai piawai bagi memastikan kejelasan makna (al-Sayyib, 1995) melalui variasi ayat.

Tamam Hasan (1979) seorang ahli linguistik Arab moden mengakui sumbangan besar al-Jurjaniy yang berjaya meletakkan asas hubungan antara bahasa dengan sosial melalui konsep semiosis yang diperkenalkan dalam ilmu *al-ma'ani*. Menurut Tamam (1979) lagi, al-Jurjaniy sememangnya memahami fungsi bahasa sebagai medium sosial yang bukan sahaja menjadi penanda kepada elemen-elemen dalam sosial, bahkan juga menjadi penanda kepada tingkah laku penuturnya.

Secara perbandingan, pendekatan yang digunakan oleh AWK dan prinsip-prinsip balaghah menonjolkan banyak persamaan dari segi struktur dan fungsi luaran wacana (termasuk hubungan sosial), serta struktur dan fungsi dalaman wacana (merangkumi hubungan semantik, hubungan nahu dan hubungan leksikal) seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 dan Rajah 1 yang berikut:

**Jadual 1** Perbandingan Prinsip al-Jurjaniy dengan Model Fairclough.

Prinsip al-Jurjaniy	Pendekatan Hubungan	Model Fairclough
Ayat <i>al-khabar</i> (Partikel yang terdapat dalam bentuk <i>al-khabar</i> )  Ayat <i>al-insya'</i> (Partikel yang terdapat dalam bahagian <i>al-insya'</i> )  Dimensi gaya bahasa <i>al-ma'ani</i> Dimensi gaya bahasa <i>al-bayan</i> Dimensi gaya bahasa <i>al-badi'</i>	Dalaman	Ciri-ciri linguistik teks (Teks)
Ayat <i>al-khabar</i> (Tujuan <i>al-khabar</i> )  Ayat <i>al-khabar</i> (Fungsi ayat dalam bentuk <i>al-khabar</i> )  Ayat <i>al-insya'</i> (Fungsi ayat dalam bahagian <i>al-insya'</i> )	Luaran	Proses berkaitan penghasilan dan penggunaan teks (Amalan diskursif/ Amalan wacana)
Ayat <i>al-khabar</i> (Tujuan <i>al-khabar</i> )	Luaran	Amalan sosial yang lebih luas yang merujuk kepada peristiwa komunikasi (Amalan sosial/Amalan sosiobudaya)



**Rajah 1** Perbandingan Prinsip al-Jurjani dengan Model Fairclough.

Ayat *al-khabar* merangkumi:

- Tujuan *al-khabar*, iaitu sama ada *fa'idah al-khabar* (penyampai menyampaikan mesej yang tidak diketahui oleh penerima dengan tujuan memberikan maklumat baru) atau *lazim al-fa'idah* (penyampai menyampaikan mesej yang sedia diketahui oleh penerima dengan tujuan memperlihatkan kepada penerima bahawa penyampai tahu tentang mesej).
- Bentuk *al-khabar*, iaitu sama ada *ibtida'iy* (penerima menerima mesej penyampai) atau *talabiy* (penerima meragui mesej penyampai) atau *inkariy* (penerima menolak mesej penyampai).

Ayat *al-insya'* pula terdiri daripada:

- Talabiy* (penyampai menyampaikan mesej kepada penerima dalam bentuk permintaan yang hasilnya belum terlaksana sewaktu

- penyampaian dibuat) yang ditandai oleh modaliti (*sighah*) perintah, larangan, pertanyaan, optatif dan seruan.
- ii. *Ghair talabiy* (penyampai menyampaikan mesej kepada penerima dalam bentuk bukan permintaan yang hasilnya terlaksana sewaktu penyampaian dibuat) yang diungkapkan menggunakan modaliti puji dan kejian, takjub, sumpah, harapan, akad dan lain-lain.

Dari segi fungsi, dimensi gaya bahasa *al-ma'ani*, *al-bayan* dan *al-badi'* bersama-sama dengan ayat *al-khabar* dan ayat *al-insya'* dapat memperkuuh analisis ciri-ciri linguistik dalam teks. Fungsi dalam ayat *al-khabar* dan ayat *al-insya'* pula membolehkan pewacana memilih ujaran yang sesuai dengan latar belakang, keperluan dan situasi pendengar. Struktur semantik, nahu dan leksikal dalam dimensi penjenisan ayat kesemuanya mempunyai signifikan yang tersendiri untuk mempengaruhi pendengar supaya menerima mesej yang disampaikan.

Tujuan *al-khabar*, bentuk *al-khabar* dan bahagian *al-insya'* dapat memenuhi analisis dalam amalan diskursif atau amalan wacana, iaitu penghasilan dan penggunaan teks. Tujuan *al-khabar* boleh disamakan dengan konsep struktur maklumat yang dicadangkan oleh Halliday (2002), iaitu unit-unit maklumat yang secara strukturnya dibina untuk berfungsi sama ada sebagai maklumat baru atau maklumat lama. Bentuk *al-khabar* pula sama seperti konsep latar pendengar, manakala bahagian *al-insya'* menggambarkan bagaimana penyampaian mesej dengan jelas dan dapat difahami melalui modaliti seperti perintah, larangan dan pertanyaan.

Tujuan *al-khabar* juga dapat membantu menganalisis amalan sosial atau amalan sosiobudaya. Ini bermaksud, praktis sosial yang diamalkan oleh pewacana seperti praktis kepimpinan dalam konteks pemimpin dan pengikut dapat ditinjau dalam konteks komunikasi yang lebih luas.

Ketiga-tiga konsep dan persepsi ini boleh dianggap sebagai satu kaedah alternatif kepada elemen asas analisis wacana agama, dan memperlihatkan upaya dan fungsi penting balaghah dalam memaparkan penggunaan jenis ayat pada situasi yang sebenar, hubungan makna dengan ungkapan, jarak dan praktis sosial, serta kesesuaian ayat dalam proses penggunaan dan penghasilannya supaya bertepatan dengan tujuan yang hendak disampaikan.

Apakah pula ketidakrelevanan AWK dalam AWA? Masalah utama AWK dalam AWA ialah penginterpretasian dan penghuraian wacana yang terlalu bebas dan terlalu kritis. Sifat bebas tanpa kawalan dan kritis tanpa pedoman ini merupakan manifestasi pengaruh aliran sosialisme, khususnya

aliran pemikiran Gramsci yang dengan jelas diakui oleh Fairclough dalam pemerihalan tentang maksud hegemoni yang didukungi beliau (2003):

Konsep ‘hegemoni’ merupakan pusat kepada versi Marxisme yang dipertalikan dengan Antonio Gramsci (Gramsci, 1971). Menurut Gramsci, politik dilihat sebagai satu perjuangan untuk hegemoni, iaitu suatu cara khusus untuk mengkonseptualisasikan kuasa berbanding dengan perkara-perkara lain, yang menekankan bagaimana kuasa itu bergantung ...

(Fairclough, 2003:45)

Ideologi Marxisme yang berakar umbi daripada faham sekularisme menjadi halangan untuk diterapkan dalam AWA. Kekurangan yang paling utama ialah ketiadaan hubungan manusia dengan Tuhan untuk dipertalikan; sedangkan Islam meletakkan akidah ketuhanan sebagai elemen asas kehidupan sosial manusia.

Dari segi sejarah, fahaman Marxisme (sosialisme) yang dikembangkan oleh Karl Marx berasal daripada falsafah Yunani Plato. Selain mencadangkan idea bahawa kekerasan patut digunakan jika perlu untuk mengekalkan kuasa, hegemoni dan ideologi, fahaman ini juga mencadangkan idea bahawa sesuatu yang tidak dapat dikesan oleh pancaindera yang lima dianggap tidak wujud, maka dengan itu tidak ada Pencipta yang mencipta alam (Sulaiman, 1995).

Daripada perspektif Islam, falsafah dan budaya yang menjadi sebahagian daripada elemen dalam apa jua analisis wacana, dibentuk oleh sistem kepercayaan (akidah), sistem peraturan (syariah) dan sistem akhlak. Mahmud Syaltut (1997) memberikan maksud akidah, syariah dan akhlak seperti yang berikut:

- a. Akidah ialah perkara-perkara yang wajib diimani terlebih dahulu mendahului perkara-perkara lain tanpa prejudis dan ragu-ragu. Perkara-perkara yang diimani ialah perkara yang ditetapkan dengan jelas oleh nas-nas dan disepakati oleh seluruh umat Islam sejak hari pertama bermulanya dakwah Islam.
- b. Syariah ialah peraturan-peraturan atau asas-asas peraturan yang disyariatkan oleh Allah S.W.T. untuk dilaksanakan oleh manusia dalam hubungannya dengan Tuhan, hubungannya dengan saudara seagama, hubungannya dengan manusia lain, hubungannya dengan alam dan hubungannya dengan kehidupan.
- c. Akhlak bermaksud kebiasaan diri manusia dan kesan kepada

## APLIKASI ANALISIS WACANA KRITIS DALAM ANALISIS WACANA AGAMA

dirinya, yakni melakukan apa yang wajar dilakukan dan meninggalkan apa yang tidak wajar dilakukan.

Ketiga-tiga sistem berkenaan tidak terpisah, bahkan saling melengkapi antara satu sama lain dalam satu entiti yang bersumberkan wahyu Tuhan yang boleh dimaknakan sebagai agama. Jika al-Imam al-Ghazaliy (1988) dalam bukunya *al-Iqtisad fi al-I'tiqad* memberikan analogi “politik tanpa agama adalah sia-sia” semasa membahaskan hubungan agama dengan pemerintah, maka dalam konteks ini, analisis wacana tanpa agama juga adalah sia-sia.

Falsafah dan budaya sosial Barat pula sebaliknya menolak wahyu lantaran kerana wujudnya pemisahan antara manusia dengan Tuhan. Faham pascamoden umpamanya yang dianggap sebagai reaksi kepada nilai intelektual dan matlamat kefalsafahan zaman pencerahan Eropah (*European enlightenment*) abad ke-18 dan ke-19 dengan jelas meletakkan kuasa akal (*reason*) sebagai harapan terbaik untuk menyelesaikan masalah manusia. Aliran pemikiran ini dikembangkan antaranya oleh ahli-ahli falsafah seperti Voltaire, Hume dan Kant (Herrick, 2005).

Dikotomi seumpama ini banyak diperhalusi oleh pengkaji-pengkaji pemikiran Islam kontemporari seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), al-Qardawiy (1996; 1999) dan lain-lain lagi yang menganggap fenomena sebegini sebagai pertentangan antara Islam dengan sekularisme. Sifat bebas tanpa kawalan yang mengiringi sifat kritis tanpa pedoman sangat menepati maksud sekularisasi, seperti yang dinyatakan oleh Al-Attas (1993) dalam bukunya *Islam and Secularism*:

Sekularisasi diertikan sebagai pembebasan manusia “pertama, daripada kawalan agama, dan kemudiannya, daripada kawalan metafizikal, terhadap akal dan bahasanya”.

(Al-Attas 1993:17)

## UBAHSUAIAN AWK

Dalam al-Quran, terdapat beberapa prinsip asas analisis wacana agama. Satu daripadanya ialah prinsip *kalimah tayyibah* (pokok yang baik) dalam Surah Ibrahim, ayat 24-25. Al-Quran mengumpamakan wacana yang baik menepati ciri-ciri sepoohon pokok yang baik. Pokok yang baik, Allah berikan sifat-sifatnya, iaitu akarnya kuat mencengkam ke dalam tanah, dahannya rendang, pucuknya menjulang tinggi ke langit, berbuah sepanjang masa dan tidak bermusim.

Maka, ciri-ciri wacana yang baik ialah wacana yang bersifat menegak (vertikal) dan mendatar (horizontal) merangkumi prinsip ketuhanan, kemanusiaan dan kemasyarakatan seperti yang berikut:

- a. (Akar) Keimanan menjadi asas wacana yang kukuh mencengkam.
- b. (Dahan) Penghasilan dan penyebaran wacana mestilah dengan cara yang baik dan rasional, serta dapat dijadikan panduan untuk dikongsi bersama sehingga bernaunglah kebaikan dan terhindarlah segala keburukan.
- c. (Cabang pucuk) Wacana dapat dikembangkan merentas kepelbagai disiplin ilmu.
- d. (Buah) Teks wacana indah dibaca, ditulis, ditutur dan didengar, sentiasa segar, menyegarkan minda dan perasaan, sentiasa dirujuk serta sentiasa memberikan manfaat dan kebaikan yang berkekalan.


Dalam konteks AWA di Malaysia, beberapa pengkaji analisis wacana telah mengaplikasikan AWK dalam kajian mereka. Dengan kekurangan yang dibincangkan sebelum ini, maka tahap ketidakrelevanannya AWK telah mereka tampung dengan beberapa penambahbaikan dan pemurnian. Makalah ini memilih dua aplikasi AWK yang dimaksudkan, iaitu aplikasi Sanat Md. Nasir (2002; 2005) serta aplikasi Munif Zarirruddin Fikri Nordin dan Kamila Ghazali (2006):

## **1. Sanat (2002; 2005)**

Sanat (2002; 2005) menambah satu dimensi baru yang dikenal sebagai amalan agama untuk menampung kekurangan dalam penghuraian amalan sosial. Menurut beliau, amalan agama merujuk kepada apa-apa sahaja amalan yang diwahyukan melalui kitab, contoh rasul dan yang bersifat amar makruf nahi mungkar.

Ini bermakna, tiga dimensi asal teori dan model ini, iaitu ciri-ciri linguistik teks, amalan wacana/diskursif dan amalan sosial masih dikekalkan, dan diaplikasikan tanpa perubahan dari segi pendeskripsian, penginterpretasian dan penghuraian. Sanat (2005) mengemukakan penambahbaikan ini melalui Model Konsepsi Empat Dimensi yang berlatarbelakangkan Teori Atqakum beliau (2002) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 berikut. A bermaksud teks, B mewakili amalan wacana/diskursif, C bermakna amalan sosial, dan D bererti amalan agama. Sanat (2005) mengemukakan Dimensi paling luar, iaitu dimensi keempat

APLIKASI ANALISIS WACANA KRITIS DALAM ANALISIS WACANA AGAMA  
diertikan sebagai dimensi amalan agama.



Rajah 2 Model Konsepsi Empat Dimensi Sanat (2005).

## 2. Munif dan Kamila (2006)

Munif dan Kamila (2006) memurnikan penginterpretasian dimensi amalan wacana/diskursif dan penghuraian amalan sosial dengan menghubungkan kedua-duanya dengan amal soleh. Pemurnian sedemikian menganggap bahawa wacana bukanlah suatu amalan bahasa yang sia-sia, tanpa matlamat rabbani. Wacana atau bahasa sebaliknya, mempunyai panduan dan ikatan dengan pahala dan dosa serta catatan malaikat.

Justeru, setiap perkataan dalam amalan wacana bukan hanya terikat dengan peraturan bahasa seperti nahu, sintaksis, morfologi dan balaghah, tetapi juga terikat dengan peraturan Allah S.W.T., seperti kemanfaatan wacana kepada orang lain, dan dosa jika berdusta. Begitu juga dengan amalan sosial yang tidak dianggap satu kebebasan mutlak manusia, kerana manusia mempunyai Tuhan untuk diimani, peraturan-Nya untuk dipatuhi dan ketetapan akhlak-Nya untuk diamalkan.

Secara perbandingan, penambahbaikan dan pemurnian terhadap ketidakrelevanan AWK memperlihatkan perbezaan dari sudut matlamat dan proses wacana. Penambahbaikan yang dilakukan melibatkan penambahan matlamat agar elemen keagamaan dalam kehidupan dapat ditonjolkan, sementara pemurnian pula membabitkan penjernihan proses wacana sebagai amalan yang tidak terpisah daripada kawalan agama. Pada masa yang sama, penambahbaikan dan pemurnian tersebut juga harus dinilai

sebagai usaha yang menggambarkan keinginan dan kesungguhan pengkaji analisis wacana yang ingin meletakkan fungsi sebenar linguistik dalam wacana agama, dan ingin membuktikan bahawa linguistik mempunyai sumbangan terhadap wacana agama.

## PENUTUP

Sifat universal wacana Islam memperlihatkan bahawa AWK bukanlah secara total ditolak dalam AWA. AWA, khususnya wacana manusawi tetap menerima kerangka AWK yang menepati piawaian konteks keagamaan, khususnya yang sedia terungkap dalam prinsip-prinsip balaghah Arab. Ubahsuaian AWK yang diakibatkan oleh kekurangan-kekurangannya, sama ada melalui penambahbaikan ataupun pemurnian memperlihatkan bahawa terdapat lebih banyak kerelevanaw AWK dalam AWA berbanding dengan ketidakrelevanaw.

Menerima kerelevanaw AWK dalam AWA tidaklah bermakna meletakkannya setara dengan metode ilmu tafsir. Kerangka metode ilmu tafsir sebenarnya jauh lebih kukuh dan mantap, serta tidak sepadan untuk dibandingkan dengan AWK. Dengan itu, kerelevanaw AWK yang paling menyerlah ialah pendeskripsian ciri-ciri linguistik teks, dan bukannya pentakwilan, penginterpretasiaw dan penghuraian teks.

Menerima kerelevanaw AWK juga tidaklah bermakna AWA menerima gagasan hermeneutik yang tersirat di dalam AWK. AWK sebaliknya hanyalah satu pendekatan linguistik yang menghubungkan bahasa dengan elemen-elemen sosial. Dengan itu, kerelevanaw AWK tidaklah melibatkan ‘dekonstruksi’ atau ‘deabsolutisasi’ terhadap kalam Allah S.W.T. dan hadis Rasulullah s.a.w.

Kerelevanaw AWK dalam AWA, khususnya dalam pendeskripsian ciri-ciri linguistik teks sesungguhnya berpuncak daripada susur galur dan pengaruh yang berakar umbi pada hubungan kebudayaan antara orang Barat dengan orang Islam dalam pentafsiran Bible sejak zaman pertengahan, khususnya terhadap Perjanjian Lama. Seperti yang ditegaskan oleh Wan Mohd Nor (2007) yang memetik pandangan Gray (1926) dan Carmy (1989), “pengaruh tersebut juga merupakan hasil daripada perkenalan mereka dengan retorik dan nahu bahasa Arab”.

Atau jika ketidakrelevanaw AWK yang masih dipertahankan, maka sebagai alternatifnya, ketidakrelevanaw tersebut mestilah disusuli dengan pengemukaan penelitian yang bersandarkan prinsip-prinsip wacana yang distrukturkan oleh al-Quran, dan yang dipamerkan oleh Rasulullah s.a.w.

## APLIKASI ANALISIS WACANA KRITIS DALAM ANALISIS WACANA AGAMA

Ketidakrelevanannya ini juga seharusnya membuka ruang ke arah penerokaan kembali analisis wacana fungsional dalam khazanah linguistik Islam dengan lebih giat dan sistematik lagi; dan bukannya menanamkan stigma bahawa AWA ialah analisis yang menyuburkan lagi gagasan hermeneutik.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz ‘Atiq, 1985. *‘Ilm al-Ma’ani*. Beirut: Dar al-Nahdah al-’Arabiyyah.
- Abdul Karim Zaidan, 1987. *Usul al-Da’wah*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Fairclough, N., 1992. *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N., 1995. *Media Discourse*. London: Edward Arnold.
- Fairclough, N., 2003. *Analyzing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London: Routledge.
- Halliday, M. A. K. (ed.), 2002. *Linguistic Studies of Text and Discourse* (Vol. 2). London: Continuum.
- Herrick, J. A., 2005. *The History and Theory of Rhetoric: An Introduction* (Edisi Ketiga). New York: Pearson Education, Inc.
- Ibnu Hamad, 2007. “Perkembangan Analisis Wacana Dalam Ilmu Komunikasi: Sebuah Telaah Ringkas”. Kertas kerja dibentangkan pada Persidangan 50 Tahun Merdeka Hubungan Malaysia dan Indonesia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 17 – 18 Julai 2007.
- Idris Abdullah, 2005. *Al-Hadith: Satu Kajian dari Sudut al-Balaghah*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman, “Analisis Wacana Kritis: Memahami Proses Sosial dalam Bahasa” dlm. *Jurnal Linguistik*, Jilid 7, hlm. 95 – 107, 2006.
- Al-Imam al-Ghazaliy, 1988. *Kitab al-Iqtisad fi al-Itqad*. Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- Jørgensen, M. W. dan Phillips, L., 2002. *Discourse Analysis as Theory and Method*. London: SAGE Publications Ltd.
- Mahmud ‘Akasyah, 2005. *Lughah al-Khitab al-Siyasiyah: Dirasah Lughawiyah Tatbiqiyyah fi Daw’ Nazariyyah al-Ittisal*. Kaherah: Dār al-Nasyr li al-Jami’ah.
- Mahmud Syaltut, 1997. *Aqidah wa Syari’ah*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Munif Zariruddin Fikri b. Nordin dan Kamila Ghazali, 2006. “Arabic Rhetoric in Malay Religious Discourse”. Kertas kerja dibentangkan pada Rhetoric in Society 2006 International Conference, Universiti Aalborg, Denmark, 21 – 24 November 2006.
- Al-Qardawiy, Yusuf, 1996. *Wawasan Islam antara Keaslian dan Kemodenan*.

- Diterjemah oleh. Ahmad Nuryadi Asmawi. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd. (Teks asalnya, *Al-Thaqafah al-'Arabiyyah al-Islamiyyah bayna al-Asalah wa al-Mu'asirah*)
- Al-Qardawiy, Yusuf, 1999. *Pertentangan Islam dan Sekular*. Diterjemah oleh. Juanda Jaya. Bandar Baru Bangi: Maktabah al-Qardhawi. (Teks asalnya *Al-Islam wa al-'Ilmaniyyah Wajhan li Wajhin*, 1997)
- Al-Qardawiy, Yusuf, 2004. *Khitabuna al-Islamiy fi 'Asr al-'Awlamah*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Ritter, H., 1954. *Asrar al-Balagha: The Mysteries of Eloquence of Abdalqahir al-Jurjani*. Istanbul: Government Press.
- Al-Sabuniy, Muhammad Ali, 1988. *Al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Sanat Md. Nasir, 2002. "Teori" Atqakum dalam Pemikiran Pengajian Bahasa Melayu". Kertas kerja dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Bahasa dan Pemikiran Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 18 – 19 Jun 2002.
- Sanat Md. Nasir, "Ucapan Bajet 2006 oleh Perdana Menteri Malaysia: Analisis Wacana Kritis Plus dalam Perbandingan" dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 16, hlm. 218 – 240, 2005.
- Sulaiman Noordin, 1995. "Islam, Kapitalisme, Sosialisme dan Komunisme" dlm Sulaiman Noordin (Peny.), *Islam, al-Quran dan Ideologi Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Syayib, Ahmad, 1995. *Al-Uslub: Dirasah Balaghiiyyah Tahliliyyah li Usul al-Asalih al-Adabiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Tamam Hasan, 1979. *Al-Lughah al-'Arabiyyah: Ma'naha wa Mabnaha*. Kaherah: Al-Hay'ah al- Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2007. *Masyarakat Islam Hadhari: Satu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan ke Arah Penyatuan Pemikiran Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wodak, R. (ed.), 1989. *Language, Power and Ideology: Studies in Political Discourse*. Amsterdam: Benjamins.